

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara melestarikan warisan seni budaya. Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk melestarikan warisan seni budaya**. Panjang huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**USAHA-USAHA MELESTARIKAN  
WARISAN SENI BUDAYA**

Pameran kebudayaan



Lawatan



Persembahan kebudayaan di sekolah

[Lihat halaman

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Sebagai tokoh murid, anda diundang untuk memberikan syarahan tentang masalah sosial yang melanda remaja pada hari ini.

Tulis teks syarahan tersebut dengan memberikan fokus punca-punca berlakunya masalah ini.

2. Cuti sekolah yang panjang digunakan oleh ibu bapa untuk menghantar anak-anak mengikuti program-program berbentuk akademik dan sahsiah. Hakikatnya cuti sekolah merupakan waktu terbaik untuk merapatkan hubungan antara ahli keluarga.

Bincangkan peranan ibu bapa bagi memanfaatkan cuti sekolah anak-anak untuk merapatkan hubungan kekeluargaan.

3. Kestabilan ekonomi, politik, dan sosial menjadi faktor tarikan kemasukan pelancong asing ke negara kita. Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan dalam membantu perkembangan industri pelancongan negara.

4. Isu kemiskinan telah menjadi masalah global yang mengancam sebahagian negara dunia. Sebagai sebuah negara yang dipandang tinggi oleh negara luar, Malaysia telah mencadangkan beberapa langkah untuk menangani masalah tersebut.

Jelaskan cadangan-cadangan yang boleh dikemukakan oleh kerajaan Malaysia berkaitan dengan isu kemiskinan.

5. Bakat, minat dan kreativiti merupakan sebahagian daripada kriteria untuk melahirkan penulis karya sastera yang berkualiti.

Berikan pendapat anda.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

[Lihat halaman

**Soalan 1: Rumusan**  
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca kurang suburnya perasaan kesetianegaraan** dan **langkah-langkah mengatasinya**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Rakyat negara ini sentiasa mengalu-alukan setiap langkah yang diambil kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Namun begitu, kita harus berwaspada kerana kemewahan pun boleh melalaikan kita daripada *mengentalkan perasaan patriotik*. Sekalipun banyak tafsiran tentang patriotisme, namun kesetianegaraan itu tidak dapat lari daripada maksud kecintaan atau rasa tanggungjawab dan kesediaan berkorban untuk negara dan bangsa.

Jika dihuraikan dengan lebih spesifik, kesetiaan negara itu merupakan suatu ungkapan simbolik yang menyatakan bahawa setiap rakyat perlu memiliki rasa bangga terhadap negara tempat tumpah darahnya. Sebagai warganegara, seseorang itu wajib menjunjung tinggi nama baik negaranya. Perkara yang mendorong berlaku hal sebaliknya daripada perbincangan di atas berpunca daripada sikap kita yang tidak menyanjung tinggi bahasa kebangsaan baik dalam majlis rasmi atau ketika menggunakannya dalam urusan awam. Kini, sudah banyak rungutan bahawa anggota masyarakat kurang memberikan tumpuan terhadap penggunaan bahasa kebangsaan secara meluas. Kecuaian itu memperlihatkan kita sendiri kurang bersikap patriotik terhadap bahasa kebangsaan. Jika kita mengambil mudah tentang perkara ini, maka sukarlah kita hendak mengharap orang asing menghormati bahasa kita.

Satu persoalan lain yang hangat diperkatakan ialah masalah rasuah yang didakwa berlaku di negara kita. Gejala ini merebak jika tidak dibendung kerana perasuah tidak takut melakukannya. Mereka ini tidak ubah seperti barah yang harus dibanteras agar tidak melumpuhkan keseluruhan sistem kenegaraan yang kita sanjung selama ini. Berlakunya penularan rasuah ini berpunca daripada semangat patriotik membenci rasuah yang tidak menonjol dalam kalangan rakyat kita. Sebagai sebuah negara yang bergerak ke arah mencapai status negara maju, kita sukar membendung kemewahan yang kian menular dalam masyarakat. Di samping itu, budaya kepenggunaan yang tinggi dan materialisme yang mencengkam hidup rakyat turut menyebabkan masyarakat alpa akan kesetianegaraan. Walaupun sebahagian anggota masyarakat kita prihatin akan kesetianegaraan dan berharap agar ada langkah yang diambil untuk menyuburkannya, namun harapan itu kurang berkesan kerana tidak ada kesungguhan untuk menggerakkannya. Kesetianegaraan mempunyai ciri ritualnya yang ditanamkan ke dalam sanubari rakyat khususnya golongan muda.

Pada masa ini, agensi kerajaan dan rakyat kurang menggembleng tenaga untuk menghidupkan norma kesetianegaraan itu semula. Tambahan pula, generasi pascamerdeka tidak begitu menghayati semangat hari kebangsaan. Ramai daripada mereka tidak memahami pengertian hari kebangsaan. Perkara ini akan menghakis rasa kesetianegaraan dalam kalangan golongan pewaris ini. Kita harus ingat bahawa rasa kesetianegaraan sebagai salah satu jati diri bangsa kita yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, dan kebudayaan. Jika rasa kesetianegaraan dapat disebatkan dalam jiwa setiap rakyat, sudah tentu perpaduan rakyat menjadi lebih kukuh dan utuh.

Dipetik dan diubah suai daripada  
rencana *Suburkan Perasaan Kesetianegaraan*  
oleh Abdul Samad, *Utusan Malaysia*.

**Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengentalkan perasaan patriotik*.  
[2 markah]
- (ii) Mengapakah perasuah dianggap sebagai musuh negara?  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan bagi memupuk semangat kesetiaanegaraan dalam kalangan generasi muda?  
[4 markah]

**Soalan 2(b) - Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PAK HAJI : Mengapa tak jawab salam Pak Haji, Azmir? Atau kau tak dengar?

AZMIR : Saya dengar.

PAK HAJI : Habis, mengapa tak jawab?

AZMIR : Itu hak saya. Saya akan jawab kalau saya suka seseorang. Pak Haji saya tak suka, sebab tu saya tak jawab.

PAK HAJI : Tak baik tak jawab salam.

AZMIR : Itu pendapat Pak Haji.

PAK HAJI : Bukan, itu bukan pendapat Pak Haji. Itu hukum agama kita.

AZMIR : Hukum (*Sinis*). Hukum pada hari ini hanya wujud pada nama saja. Orang sering melanggar hukum, hukum kata ada kasih sayang. Pemimpin kata, kita mesti selalu prihatin. Tapi apabila orang-orang seperti saya sakit, ada orang seperti Pak Haji ambil tahu? Berapa banyak lagi orang seperti saya ni yang berkeliaran di luar sana. Ada orang-orang seperti Pak Haji ni ambil berat?

PAK HAJI : (*Cuba menukar topik*) Mir, Pak Haji rasa, daripada cara kau bercakap tu, kau nampaknya sudah beransur sihat. Cuma satu saja Pak Haji nak tanya kau. Betul ke Pak Haji dengar kau dah tukar nama?

AZMIR : Memang betul. Mana Pak Haji tahu?

PAK HAJI : Ada orang cakap-cakap. Err... apa namanya tu?

AZMIR : (*Menunjukkan tanda nama yang tersemat pada bajunya*)

PAK HAJI : (*Sambil merenung tanda nama*) Apa namanya ni? Pak Haji kurang jelas pulak.

Dipetik daripada drama 'Bukan Gila'  
oleh Sharif Shaary  
dalam antologi Sejadah Rindu,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Mengapakah Azmir tidak menjawab salam Pak Haji?

[2 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, apakah perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh masyarakat sekeliling untuk menangani masalah yang dihadapi oleh Azmir?

[3 markah]

- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah datang kepada Patih Gajah Mada, Kertala Sari pun duduk menyembah. Maka kata Patih Gajah Mada, “Hai anakku Kertala Sari, sebab aku menyuruh memanggil anakku ini, kerana pesan bapamu kepada aku, ‘Jangan tiada dikasihi anakku ini,’ kerana bapamu sudahlah mati dengan pekerjaan Seri Betara. Akan sekarang anakku hendak dijadikan penggawa agung.”

Setelah Kertala Sari mendengar kata Patih Gajah Mada itu, maka Kertala Sari pun terlalu sukacita hatinya, seraya menyembah kaki Patih Gajah Mada.

Maka sembah Kertala Sari, “*Endah apatah pekerjaan* membunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu? Pada hati manira, jika negerinya pun dapat manira alahkan dengan seorang kula juga, syahadan segala anak bininya orang Melaka itu pun dapat manira ambil. Adapun jika belum manira bunuh Ratu Melaka dan Laksamana itu belum mati, tiada mahu manira jadi penggawa.”

Setelah Patih Gajah Mada mendengar demikian itu maka ia pun terlalu sukacita, seraya diperjamunya makan minum dan bersuka-sukaan dan diberinya persalin.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud *Endah apatah pekerjaan*.

[2markah]

- (ii) Nyatakan janji Kertala Sari selepas dititahkan membunuh Ratu Melaka dan Laksamana.

[3 markah]

- (iii) Peperangan antara dua buah negara selalunya membawa kepada kerugian. Nyatakan **dua** kerugian tersebut.

[3 markah]

**Soalan 2(d) - Puisi Tradisional**

*Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Syair Bidasari**

Dengarkan tuan suatu riwayat, Raja di desa Negeri Kembayat, Dikarang fakir dijadikan hikayat, Supaya menjadi tamsil ibarat.	1	Datanglah kepada suatu masa, Melayanglah unggas dari angkasa, Unggas gurda sangat perkasa, Menjadi negeri rosak binasa.	6
Ada raja suatu negeri, Sultan halifah akas bestari, Asalnya baginda raja yang bahari, Melimpah ngadil dagang senter.	2	Datanglah menyambar suaranya bahana, Gemparlah sekalian mulia dan hina, Seisi negeri gundah-gulana, Membawa diri ke mana-mana.	7
Hairan orang empunya temasya, Baginda itulah raja perkasa, Sangat tiada merasai susah, Entah pada esok dan lusa.	3	Baginda pun sedang dihadap orang, Mendengar gempar seperti perang, Bertitah baginda raja yang garang, Gempar ini apakah kurang.	8
Seri sultan raja bestari, Setelah ia sudah beristeri, Beberapa bulan beberapa hari, Hamillah puteri permaisuri.	4		
Beberapa lamanya dalam kerajaan, Baginda duduk bersuka-sukaan, Datanglah beroleh kedukaan, Baginda meninggalkan takhta kerajaan.	5		

Jamilah Hj. Ahmad (Penyelenggara)  
Syair Bidasari, 1989  
Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

(i) Berikan **dua** kesan kehadiran burung gurda ke Negeri Kembayat.

[2 *markah*]

(ii) Sekiranya anda menjadi pemimpin di Negeri Kembayat, apakah usaha-usaha yang anda lakukan untuk menjadikan negeri anda sebagai tumpuan pedagang?

[3 *markah*]

(iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam syair tersebut.

[4 *markah*]



**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) duduk
- (ii) penduduk
- (iii) terduduk
- (iv) kedudukan
- (v) pendudukan
- (vi) menduduki

[6 markah]

(b) **Tukarkan ayat pasif di bawah kepada ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Poster yang telah saya hasilkan dalam pertandingan Hari Kemerdekaan mendapat hadiah pertama peringkat kebangsaan.
- (ii) Pelbagai bantuan makanan dan pakaian telah diterima oleh mangsa-mangsa banjir di Kuantan, Pahang apabila rumah mereka dilanda banjir.
- (iii) Sikap suka menanggung pekerjaan harus diketepikan oleh setiap pelajar ketika membuat ulang kaji untuk peperiksaannya.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

Gambir sejenis tumbuhan panjat yang tumboh meliar di hutan. Di Malaysia, tumbuhan renik ini banyak terdapat di hutan tebal Sarawak. Gambir Sarawak dikenali dalam rawatan tradisional sebagai alternatif kepada rawatan moden yang mahal. Sebagai contoh, masyarakat Melayu gunakan gambir sebagai losyen untuk merawat kesan melecur.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Penonton terpegun dengan kepantasan Maria mengemukakan semua hujah-hujahnya dalam pertandingan bahas itu.
- (ii) Strategi baru yang lebih menyeluruh akan kerajaan lancarkan bagi meningkatkan industri padi dan beras negara.
- (iii) Semasa ekspedisi mendaki Gunung Jerai, terdapat peserta-peserta yang cedera dan mereka tidak dapat meneruskan perjalanan ke puncak gunung.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **peribahasa** yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- (i) Tiap-tiap petang, Kamalia dan rakan-rakannya bersiar-siar di taman bunga itu untuk menghilangkan penat.
- (ii) Janganlah kita boros berbelanja, sebaliknya berbelanja mengikut kemampuan atau bersesuaian dengan pendapatan yang kita peroleh setiap bulan.
- (iii) Apabila kita berada di rantau orang, janganlah kita meninggi diri dan patuhilah adat resam tempat tersebut.

[6 markah]

**Soalan 4: Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- (ii) Di sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

(a) Novel yang baik dapat memberikan banyak manfaat kepada pembaca. Berdasarkan novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua kebaikan** yang anda peroleh.

[7 markah]

(b) Unsur saspén dapat menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan novel. Jelaskan unsur saspén yang terdapat dalam **dua** buah novel yang telah anda pelajari.

[8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

---

**PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
2017**

---

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU KERTAS 1**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi halaman bercetak.

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan****[30 markah] KRITERIA****PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
<b>Cemerlang</b>	<p><b>26 – 30</b></p> <p>atas (28 – 30)</p> <p>(26 – 27) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Penggunaan tanda baca betul dan tepat.</li> <li>○ Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan</li> <li>○ <b><u>tepat.</u></b></li> </ul> </li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b><u>ungkapan yang menarik</u></b> (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)</li> <li>• ☐ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b><u>matang.</u></b></li> </ul>
<b>Kepujian</b>	<p><b>20 – 25</b></p> <p>atas (23 – 25)</p> <p>(20 – 22) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b><u>menepati</u></b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi. Penggunaan kosa kata <b><u>luas.</u></b></li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• ☐ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b><u>jelas.</u></b></li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>Memuaskan</b>	<p><b>15 – 19</b></p> <p>atas (17 – 19)</p> <p>(15 – 16) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat.</li> <li>• Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan.</li> <li>• Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
<b>Kurang memuaskan</b>	<p><b>10 – 14</b></p> <p>atas (12 – 14)</p> <p>(10 – 11) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> </ul> </li> <li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>kurang relevan</b> dengan tema bahan rangsangan <ul style="list-style-type: none"> <li>○ huraian nya <b>kurang jelas</b>.</li> </ul> </li> </ul>
<b>Pencapaian Minimum</b>	<p><b>01 – 09</b></p> <p>atas (06 – 09)</p> <p>(01 – 05) bawah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>• <b>Banyak</b> kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>• [ Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

**\*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain.**

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka****[100 markah]****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.
4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan **maksimum 3 markah**. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:
  - ( ) = Kesalahan isi
  - \_\_\_\_\_ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
  - / = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
  - // = Kesalahan ejaan yang berulang
  - = Kesalahan tanda baca

**KRITERIA**

<b>KRITERIA</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>1. BAHASA</b> (Mekanis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kegramatisan:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- kata (morfologi)</li> <li>- ayat (sintaksis)</li> </ul> </li> <li>• Tanda baca</li> </ul>
<b>2. LARAS</b> (Dinamis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan kosa kata</li> </ul>
<b>3. IDEA (ISI)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tema</li> <li>• Isi utama</li> <li>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)</li> <li>• Kerelevanan</li> </ul>
<b>4. PENGOLAHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Wacana</li> <li>• Logik</li> <li>• Pemerenggan</li> <li>• Format</li> </ul>
<b>5. GAYA BAHASA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keindahan bahasa</li> <li>• Ungkapan</li> <li>• Peribahasa</li> </ul>



**KRITERIA  
PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>CEMERLANG</b>	<b>80 – 100</b>  (90 – 100)  (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>● Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>● <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>● Laras bahasa sesuai dengan tugas</li> <li>● Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>● <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai</li> <li>● <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>● <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>● Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b></li> <li>● <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<b>KEPUJIAN</b>	<b>66 – 79</b>  (73 – 79)  (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>● Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat <b>kesalahan yang minimum</b></li> <li>● <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul</li> <li>● <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>● Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat</li> <li>● <b>Idea relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertai dengan contoh yang sesuai.</li> <li>● <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>● <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>● Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>● <b>Gaya bahasa masih</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>BAIK</b>	<p style="text-align: center;"><b>51 - 65</b></p> <p style="text-align: center;">(58 – 65)</p> <p style="text-align: center;">(51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b><u>ayat majmuk</u></b> gramatis tetapi terdapat <b><u>kesalahan yang minimum. Ejaan</u></b></li> <li>• dan <b><u>tanda baca</u></b> masih betul. <b><u>Laras</u></b></li> <li>• <b><u>bahasa</u></b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata umum</u></b>.</li> <li>• <b><u>Idea masih relevan</u></b> mengikut tugasan, huraian isi <b>masih</b> jelas dan contoh <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> <b>masih</b> menarik, dan pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> <b>masih</b> lengkap</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa masih bervariasi</u></b>.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa kurang menarik</u></b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b><u>kurang berkesan</u></b>.</li> </ul>
<b>MEMUASKAN</b>	<p style="text-align: center;"><b>36 – 50</b></p> <p style="text-align: center;">(43 – 50)</p> <p style="text-align: center;">(36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b><u>pelbagai jenis kata</u></b> terhad.</li> <li>• Ayat <b><u>kurang gramatis</u></b>.</li> <li>• <b><u>Ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> betul tetapi terdapat <b><u>kesalahan yang minimum</u></b>.</li> <li>• <b><u>Laras bahasa</u></b> kurang sesuai.</li> <li>• Penggunaan <b><u>kosa kata umum</u></b> dan terhad.</li> <li>• <b><u>Idea masih relevan</u></b> mengikut tugasan, huraian isi <b>kurang</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> <b>kurang</b> menarik, pemerenggan <b>kurang</b> sesuai.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> <b>masih / kurang</b> lengkap</li> <li>• Penggunaan <b><u>unsur bahasa</u></b> <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b><u>kurang berkesan</u></b>.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
<b>KURANG MEMUASKAN</b>	21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<p>Penggunaan <b><u>kata</u></b> kurang tepat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ayat <b><u>tidak gramatis</u></b> tetapi masih difahami.</li> <li>• Terdapat <b><u>kesalahan ejaan dan tanda baca</u></b> yang ketara.</li> <li>• <b><u>Idea masih relevan / idea bercampur aduk</u></b> dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan <b><u>contoh tidak sesuai</u></b>.</li> </ul> <p><b><u>Pengolahan</u></b> tidak menarik.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b><u>Wacana</u></b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>• <b><u>Unsur bahasa</u></b> tidak bervariasi.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b>.</li> </ul>
<b>PENCAPAIAN MINIMUM</b>	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keseluruhan menunjukkan penggunaan <b><u>kata</u></b> dan <b><u>ayat</u></b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> </ul> <p>Kesalahan <b><u>ejaan</u></b> dan <b><u>tanda baca</u></b> yang ketara.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b><u>Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/</u></b> tidak berkembang dan <b>contoh tidak sesuai</b>.</li> <li>• <b><u>Pengolahan</u></b> tidak menarik.</li> <li>• <b><u>Wacana</u></b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>• <b><u>Gaya bahasa</u></b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.</li> <li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li> </ul>

**Cara menulis**

<b>K</b>	-	<b>Peringkat markah</b>
- E	-	<b>Mak 3 markah</b>
- F	-	<b>Mak 2 makah</b>
<b>Jumlah</b>	-	<b>Markah bersih</b>

**Contoh**

<b>K</b>	-	<b>75</b>
- E	-	<b>03</b>
- F	-	<b>02</b>
<b>J</b>	-	<b>70</b>

**BAHAGIAN A**

Karangan berdasarkan bahan rangsangan:

Cadangan Jawapan:

-Calon dapat mengemukakan pendapat/komen usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk melestarikan warisan seni budaya.

-Calon perlu menghuraikan/memberikan komen tiga usaha melestarikan warisan seni budaya.

-Sekiranya calon hanya mengemukakan satu cadangan isi sahaja, markah maksimum hanya pada peringkat memuaskan.

**BAHAGIAN B**

Soalan 1

Format: Syarahan

Cadangan idea:

- Diharapkan calon dapat menghuraikan punca-punca berlakunya masalah sosial yang melanda remaja pada hari ini.

Isi-isi :

- a) Kurang perhatian dan pengawasan oleh ibu bapa/penjaga/keluarga
- b) Anak-anak kurang didikan ilmu agama dan moral
- c) Tekanan dan bebanan di sekolah
- d) Pengaruh media massa
- e) Terjebak dengan ajakan rakan sebaya

Soalan 2

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Calon diharapkan dapat menulis *peranan ibu bapa sahaja* dalam memanfaatkan cuti sekolah anak-anak demi merapatkan hubungan kekeluargaan.

Isi-isi:

- a) Mengadakan program bercuti di kampung bersama-sama
- b) Aktiviti hari keluarga bersama anak-anak
- c) Melancong bersama ahli keluarga
- d) Ibu bapa mengambil cuti semasa cuti sekolah

*\* Sekiranya calon menyentuh peranan pihak lain selain ibu bapa (adik- beradik, datuk, nenek) dan bahasa baik, hanya layak diberi peringkat kepujian atas.*

Soalan 3

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Calon diharapkan dapat menghuraikan usaha membantu perkembangan industri pelancongan Negara

-Isi-isi :

- a) Meningkatkan prasarana awam
- b) Konsep layanan mesra di beri keutamaan
- c) Menstabilkan politik negara
- d) Mengukuhkan ekonomi negara
- e) Kadar jenayah negara ditangani dan dikurangkan

Soalan 4

Format: Tiada

Cadangan idea:

-Calon diharapkan dapat membincangkan **langkah-langkah menangani isu kemiskinan**

- Isi-isi :

- a) Meningkatkan pelaburan dalam bidang pendidikan
- b) Memajukan industri perkilangan dan perkhidmatan
- c) Meningkatkan perdagangan sesama negara – perjanjian perdagangan bebas (FTA)
- d) Meningkatkan kerjasama dalam bidang perkhidmatan kewangan menerusi ikatan strategik antara negara yang lebih maju dengan negara yang mundur
- e) Mewujudkan kestabilan politik jangka panjang

Soalan 5

Format: Tiada

Cadangan idea:

- Diharapkan calon dapat menyatakan pendapat berkaitan kepentingan bakat, minat dan kreativiti bagi melahirkan penulis karya sastera yang berkualiti.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk pada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Kriteria
Baik	18-20 15-17	9-10 7-9	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>• Kosa kata luas</li> <li>• Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12-14 8-11	6-7 4-6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan isi masih baik</li> <li>• Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>• Kosa kata masih memuaskan</li> <li>• Tanda baca/ejaan jua memuaskan</li> </ul>
Lemah	1-7	1-4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan</li> </ul>

Nota:

- i. Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- ii. Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah
- iii. Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah
- iv. Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah bahasa maksimum:10 markah]

## Skema Jawapan (Semangat Kesetianegaraan)

### Soalan 1 (Rumusan) - (30 markah)

#### Pendahuluan: [2 markah]

P1	<i>Petikan</i> membincangkan <i>faktor-faktor/sebab-sebab kurang suburnya/lunturnya semangat kesetianegaraan</i> dalam kalangan rakyat di negara ini.	2m
P2	<i>Rumusan</i> membincangkan <i>faktor-faktor/sebab-sebab kurang suburnya/lunturnya semangat kesetianegaraan dalam kalangan rakyat di negara ini dan langkah-langkah mengatasinya.</i>	2m

#### Isi tersurat: [4 hingga 12 markah]

S1	Rakyat tidak menyanjung penggunaan bahasa kebangsaan baik di majlis rasmi.	2m
S2	...kurang menggunakan bahasa kebangsaan dalam urusan awam.	2m
S3	...kurang bersikap patriotik terhadap bahasa kebangsaan.	2m
S4	Semangat patriotik membenci gejala rasuah tidak menonjol dalam kalangan rakyat.	2m
S5	Sukar membendung kemewahan yang semakin menular dalam kalangan masyarakat	2m
S6	Budaya kepenggunaan yang tinggi dan materialisme yang mencengkam hidup rakyat.	2m
S7	Tidak ada kesungguhan untuk menggerakkan usaha-usaha menyuburkan semangat patriotisme/kesetianegaraan	2m
S8	Agensi kerajaan dan rakyat kurang menggembleng tenaga untuk menghidupkan norma kesetianegaraan itu semula.	2m
S9	Generasi pascamerdeka tidak begitu menghayati semangat hari kebangsaan.	2m

#### Isi tersirat: [4 hingga 12 markah]

T1	Gerakan bahasa kebangsaan perlu digerakkan secara berterusan untuk mengentalkan jati diri rakyat.	2m
T2	Patriotisme dijadikan salah satu komponen dalam sukatan pelajaran.	2m
T3	Kempen cinta akan negara diadakan sepanjang masa.	2m
T4	Media massa banyak menyiarkan rencana/rancangan yang mempunyai unsur patriotisme.	2m
T5	Kurikulum khidmat negara member keutamaan kepada aspek kesetianegaraan.	2m

T6	Peranan pendidikan melalui bidang kurikulum dan kokurikulum/ merancang pelbagai aktiviti yang dapat memupuk semangat patriotisme.	2m
T7	<i>Terima jawapan-jawapan lain yang munasabah/relevan/rasional</i>	

**Kesimpulan: [2 markah]**

K1	Kesimpulannya, semua pihak mestilah berusaha meningkatkan semangat patriotisme dalam jiwa rakyat demi menjamin kesejahteraan dan keamanan negara.	2m
K2	Kesimpulannya, generasi muda mestilah mengisi kemerdekaan negara dengan baik.	1m



## Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 2 (a) : Petikan Umum

(i) **Maksud:**

Mengukuhkan/ memantapkan/ menyemarakkan semangat cinta akan negara

[Maksimum: 2 markah]

(ii) **Mengapa:**

- Perasuah tidak takut melakukan rasuah
- Dapat melumpuhkan keseluruhan sistem kenegaraan
- Amalan mereka mudah merebak jika tidak dibentung

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) **Peranan kerajaan:**

- Sistem pendidikan/ menerapkan nilai-nilai patriotik dalam setiap aktiviti di sekolah.  
contoh- 1 Murid 1 Sukan, kokurikulum, jati diri, PLKN
  - Program: Kempen semangat kesetiaanegaraan yang melibatkan golongan remaja dijalankan dari semasa ke semasa secara berkesan.
  - Memaparkan filem dokumentari yang bertemakan kesetiaanegaraan melalui media massa
- ( Peranan lain yang berkaitan boleh diterima)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

### Soalan 2(b) - Petikan Drama

- (i) - Azmir menganggap itu sebagai hak dirinya.  
- Dia akan jawab salam kepada orang yang dia suka sahaja  
- Azmir tidak menyukai Pak Haji

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- (ii) - Tidak membuli dirinya supaya dia tidak berasa dibenci.  
- Selalu mendampingi dirinya agar dia berasa diberi perhatian.  
- Memberi nasihat jika melakukan kesalahan.

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

- (iii) - Persoalan dalam petikan ialah sikap masyarakat terhadap orang yang kurang upaya-  
Azmir menganggap dirinya tidak dipedulikan oleh masyarakat. [1+1]  
- Persoalan dalam keseluruhan drama- kepentingan kasih sayang dalam keluarga-Azmir mengalami penderitaan kerana kurang mendapat kasi sayang daripada keluarganya.

[1+1]

(Persoalan lain yang berkaitan boleh diterima)

[Maksimum: 4 markah]

### Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

(i) **Maksud:**

- Bermaksud tidak kisah akan pekerjaan yang diberikan.

[Maksimum: 2 markah]

(ii) **Janji Kertala Sari:**

- Akan membunuh Ratu Melaka
- Akan membunuh Laksamana
- Jika tidak, dia tidak akan menjadi penggawa/penghulu

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) **Kerugian:**

- Mengorbankan nyawa dan kecederaan.
  - Merosakkan harta benda dan kemudahan awam.
- (Kerugian lain yang berkaitan boleh diterima)**

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

### Soalan 2(d) - Puisi Tradisional

(i) **Kesan:**

- Menjadi negeri rosak binasa
- Gemparlah sekalian mulia dan hina
- Seisi negeri gundah gulana

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) **Usaha-usaha:**

- Mengetatkan kawalan di lautan
- Mewujudkan undang-undang yang adil dan tegas.
- Menyediakan kemudahan di pelabuhan
- Mengenakan kadar cukai yang rendah

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) **Nilai:**

- Kebijaksanaan: Raja negeri Kembayat seorang raja yang bijaksana menyebabkan pedagang datang berkunjung [1+1]

- Keadilan: Raja Negeri Kembayat memerintah dengan adil. [1+1]

**(Kerugian lain yang berkaitan boleh diterima)**

[Maksimum: 4 markah]

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

3(a) Bina ayat:

(i) duduk:

1. Beristirahat di atas punggung

(ii) penduduk:

1. Orang yang menduduki sesuatu daerah (tempat, negeri dan lain-lain)

(iii) terduduk:

1. Terjatuh duduk, duduk dengan tiba-tiba dan tidak sengaja
2. Mengendap atau terendap (serbuk kopi, teh dan lain-lain)

(iv) kedudukan:

1. Tempat tinggal yang didiami
2. Tempat letaknya
3. Keadaan atau selok-belok (hal) sesuatu perkara
4. Tingkatan taraf ( martabat, darjat dan sebagainya)

(v) pendudukan:

1. Perihal atau perbuatan menduduki sesuatu daerah atau negara oleh kuasa luar (tentera dan lain- lain)

(vi) menduduki:

1. Mengambil tempat duduk
2. Mendiami, tinggal
3. Menakluki (mengalahkan) dan menguasai sesebuah negeri
4. Mengambil (memasuki, mengikuti) sesuatu peperiksaan atau ujian
5. Duduk (berada) di (kerusi parlimen, majlis tertinggi dan sebagainya)
6. Memikat hati seseorang

[6 markah]

3 (b) Tukar ayat pasif kepada ayat aktif

- (i) Saya telah menghasilkan poster dalam pertandingan Hari Kebangsaan dan mendapat hadiah pertama peringkat kebangsaan.
- (ii) Mangsa-mangsa banjir di Kuantan, Pahang telah menerima pelbagai bantuan makanan dan pakaian apabila rumah mereka dilanda banjir
- (iii) Setiap pelajar harus mengetepikan sikap suka menanggung kerja ketika membuat ulang kaji untuk peperiksaannya.

[6 markah]

**3 (c) Kesalahan ejaan dan imbuhan.**

**Kesalahan ejaan**

tumboh - tumbuh

renik - renek

losyen - losen

**Kesalahan imbuhan**

panjat - memanjat

dikenal - terkenal

gunakan - menggunakan

**[6 markah]**

**3 (d) Kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa.**

(i) kepantasan - kepetahan  
semua hujah-hujahnya - semua hujah/ hujah-hujahnya

(ii) baru - baharu  
kerajaan lancarkan - dilancarkan oleh kerajaan

(iii) peserta- peserta - peserta  
perjalanan - pendakian

**[6 markah]**

**3 (e) Peribahasa:**

(i) Makan angin

(ii) Ukur baju di badan sendiri

(iii) - Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung  
- Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak

**[6 markah]**

#### Soalan 4: Novel

[15 markah]

4 (a)

##### *Novel Pantai Kasih*

*Kesan kebaikan yang boleh dipelajari dalam novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin :*

Erti ketabahan. Tabah menghadapi kematian anak perempuannya. Contohnya Raiha tabah menghadapi kematian anak perempuannya. Anak perempuan tunggalnya itu adalah seorang anak istimewa, berkromosom lebih iaitu 'down syndrome'. Sejak mengetahui keadaan anaknya dalam kandungan, suaminya meminta agar kandungan itu digugurkan, namun Raiha tetap mahu melahirkan anak tersebut walaupun mendapat tentangan daripada suaminya. Selain diminta agar anak tersebut dihantar ke asrama yang mengasuh anak istimewa seperti Rohayu atau Ayu itu, namun Raiha bertegas untuk memelihara sendiri dan menghabiskan masa dengan anaknya itu menyebabkan Doktor Sadiz berada kecewa kerana isterinya itu melebihkan anaknya daripada dia. Kedegilan Raiha menyebabkan suaminya berasa marah dan membakar kereta mewah yang dibawa oleh Raiha untuk melarikan diri. Tiba-tiba kanak-kanak istimewa itu berada di tempat kejadian dan tidak semena-mena tersambar api kereta yang sedang marak itu sehingga rentung. Kematian anaknya itu amat menyiksakan jiwa Raiha yang tetap menyalahkan bahawa Doktor Sadizlah dengan sengaja membakar anaknya itu.

Kesan kebaikan yang seterusnya ialah:

Kerajinan. Contohnya kerajinan diperlihatkan melalui sikap Sister Felicia yang asalnya belajar di kawasan pedalaman di Inanam tetapi atas sikap kerajinannya itu dia Berjaya belajar hingga menjadi seorang jururawat di Hospital Kinabalu. Sikap kerajinan juga diperlihatkan melalui watak Raiha yang rajin belajar daripada mentornya iaitu Doktor Uwang sewaktu menuntut di pusat pengajian tinggi dan sanggup melakukan apa-apa sahaja yang diminta oleh mentornya itu termasuk membuat demonstrasi.

Kesan yang seterusnya ialah :

Bertanggungjawab. Contohnya, Raiha bertanggungjawab untuk menjadikan pembedahan ke atas Unong Siron sebagai pembedahan yang keenam dan yang terakhir. Hal ini demikian kerana Raiha berpendapat tidak sewajarnya gadis remaja itu menghabiskan masa menghadapi hidup dengan waktu sukar yang sangat panjang. Tidak sepatutnya gadis tersebut menjalani pembedahan yang sama di tempat sama dan atas sakit yang sama sehingga lima kali.

## ***Novel Bimasakti Menari***

*Kesan kebaikan yang boleh dipelajari dalam novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop ialah:*

Ketaatan terhadap agama. Contohnya, Haji Yassir dengan anak-anaknya iaitu Budiman dan Nurul Hafsa menunaikan solat zuhur secara berjemaah.

Seterusnya kesan kebaikan yang boleh dipelajari ialah:

Bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Selain itu juga sikap bertanggungjawab ini dapat diperlihatkan apabila Haji Yassir yang prihatin akan masalah pembiakan nyamuk aedes menutup tempayan yang digunakan untuk menadah air dengan plastik.

Kesan yang terakhir ialah:

Kejujuran. Misalnya Nurul Hafsa jujur mengakui kegagalan mencerap keseluruhan buruj Orion kepada kumpulan kanak-kanak dari Hiroshima, Jepun. Hal ini berpunca daripada pencemaran cahaya.

**4 (b) Unsur *saspen* yang terdapat dalam **dua** buah novel yang telah anda pelajari:**

*Unsur suspen yang terdapat dalam kedua-dua novel yang telah saya pelajari iaitu Pantai kasih karya Azmah Nordin ialah:*

Suspen punca kematian anak perempuan Raiha. Pembaca berasa saspens kerana tidak mendapat gambaran jelas tentang punca kematian anak perempuan Raiha. Pembaca berasa lega dan begitu juga dengan Raiha apabila Felicia telah mengaku dan menceritakan situasi sebenar kematian anak Raiha itu. Felicia meminta maaf kerana tidak muncul sewaktu perbincangan antara Doktor Sadiz dan Raiha kerana takut. Baharulah pembaca mengetahui kedudukan sebenar punca kematian anak Raiha. Selain itu juga, teknik suspen turut digunakan apabila nasib Felicia yang ditahan oleh penceroboh Pusat Rawatan Pantai Kasih. Pembaca berasa saspens apabila Felicia ditanah oleh penceroboh yang menyamar sebagai doktor buat kali kedua. Pembaca saspens tentang nasib Felicia memandangkan ketika itu dia juga berada dalam keadaan khayal akibat minum ubat batuk berlebihan. Pembaca berasa lega apabila Raiha Berjaya memperdaya pemuda itu dengan mengatakan bahawa Unong Siron memerlukan bantuan pemuda itu di hospital yang lain.

*Unsur suspen yang terdapat dalam kedua-dua novel yang telah saya pelajari iaitu Bimasakti Menari ialah:*

Apabila Sekumpulan pengunjung yang terdiri daripada kumpulan murid dan guru pengiring dari Sekolah Rendah Kichihimahigashi, Hiroshima hadir ke balai cerap tersebut untuk melihat buruj Orion atau buruj Belantik dengan mata kasar, tanpa sebarang bantuan alat pencerap. Malangnya, Nurul Hafsa telah menghadapi masalah di luar jangkannya apabila langit pada malam tersebut yang sepatutnya telah benar-benar gelap tetap cerah. Nurul Hafsa yang pada mulanya runsing dengan situasi tersebut akhirnya telah mengambil langkah bijak bagi menyelesaikan masalah tersebut dengan mengemukakan hujah yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung tersebut. Dia dengan berani telah mengakui kekurangan yang

berlaku pada malam tersebut berpunca daripada kesan negatif akibat pembangunan pesat yang berlaku di Kuala Selangor. Pada malam tersebut, Nurul Hafsa telah menanam azam dalam jiwa seterusnya berjanji kepada para pengunjung bahawa dia akan memulihkan keadaan yang berlaku dengan sedaya upayanya. Pada mulanya, Puan Wickham mempersoalkan kemampuan manusia untuk menggerakkan bintang kembali ke kawasan pencerapan. Namun, Nurul Hafsa dengan hujah bijaknya menyatakan bahawa bintang-bintang sememangnya sedia ada di langit, hanya mata manusia sahaja yang tidak dapat melihat. Sedikit cahaya akan membuka deria manusia, manakala banyak cahaya pula akan menutup deria kita. Dia memaklumkan bahawa tuhan menciptakan deria manusia dengan penuh keterhadan agar kita tidak leka dengan sesuatu yang tidak dapat dilihat oleh deria.